



Rep. Kerang bergasi menjadi ikon Taman Kerang.

Taman Kerang 'biasa' tapi istimewa

Punya nilai sentimental

Bagi salah seorang peniaga otai di situ, Mohd Noor Yusof, 70-an yang lebih mesra dengan panggilan Ayah Mat, dia sudah berniaga di situ sejak tahun 80-an.

Katanya, Taman Kerang begitu sentimental dalam hidupnya kerana di situlah tempat dia mencari rezeki.

Baginya, Taman Kerang bukan lokasi 'biasa' sebaliknya ia seperti 'pentas' yang memaparkan pelbagai ragam kehidupan pelbagai lapisan masyarakat.

"Daripada orang muda hinggalah geng-geng pencen, tempat ini menjadi 'port' untuk mereka berkumpul dengan kawan-kawan sambil menyaksikan pelbagai gelagat manusia.

"Pada saya itulah istimewanya Taman Kerang ini. Macam-macam orang ada di sini," katanya.

Ayah Mat berkata, dia harap Taman Kerang terus dikekalkan sebagai tapak

warisan bandar ini untuk generasi akan datang.

Bagi Azhar Hassan, 59, keistimewaan Taman Kerang kerana ia sentiasa dikunjungi walaupun lokasi itu bukan meriah seperti destinasi tumpuan lain di bandar ini.

"Kerana pengunjanglah, tempat ini 'hidup' dan kami boleh berniaga untuk cari makan.


Kebanyakan yang datang bersantai di sini ada pengunjang setia dalam kalangan pesara dan pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Azhar berkata, pada hari biasa, pengunjang agak kurang selepas banyak pejabat kerajaan yang pernah beroperasi di kawasan tersebut berpindah ke Indera Mahkota.

"Tapi kalau hari

Jumaat dan hujung minggu, ia agak meriah apabila ramai yang datang ke Taman Kerang dari pagi hingga malam.

"Lagiput sekarang ada pelbagai aktiviti termasuk tapak car boot sale di kawasan parkir berhampiran, adanya kawasan pemijagaan makanan kendera saji di Jalan Lebai Ali," katanya.



Sambil berniaga, Hassan leka menyaksikan pelbagai gelagat pengunjung Taman Kerang.

